

Headline	Tiada cuaca luar biasa, Malaysia masih berada di garisan khatulistiwa		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	14	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	Siti Kamilah Mustapha	AdValue	RM 2,641
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,923



Tiada cuaca luar biasa, Malaysia masih berada di garisan khatulistiwa

SITI KAMILAH MUSTAPHA

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi Malaysia menyangkal andaian sesetengah pihak bahawa negara akan mengalami cuaca luar biasa daripada kebiasaan selepas berlakunya banjir besar di Pantai Timur pada Disember tahun lalu.

Malah dakwaan bahawa Malaysia tidak lagi akan berada di garisan khatulistiwa juga merupakan satu andaian semata-mata.

Kata Pegawai Kanan Meteorologi, Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip menjelaskan, sebenarnya cuaca di Malaysia untuk beberapa tahun sebelum ini dan akan datang adalah sama dan tiada apa-apa yang luar biasa berlaku.

“Perubahan teknologi dengan pemindahan gambar dan data yang lebih cepat dari seorang ke seorang membuatkan sesuatu situasi menjadi lebih diketahui berbanding sebelum ini,” katanya di sini semalam.

Beliau sebelum itu menghardi Bengkel Cuaca Melampau dan Banjir: Siasatan Awal Berhubung Bencana Banjir di Pantai Timur Malaysia di Universiti

Malaya di sini.

Bengkel itu dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah, Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah.

Tambah Hisham, fenomena yang dikatakan panas dan sejuk melampau di sesetengah kawasan juga sering kali berlaku sebelum ini cuma ia tidak dipublikasikan secara meluas berbanding kebelakangan ini.

“Saya bagi contoh, puting beliung di Kedah misalnya, sebenarnya ia sering berlaku di kawasan berkenaan cuma ia tidak menjadi viral. Begitu juga dengan cuaca sejuk di Kuala Krai, Kelantan setiap tahun berlaku tetapi kebelakangan ini sahaja disensasikan.”

“Setelah ia (disensasikan), ada yang timbulkan pelbagai andaian bahawa selepas ini negara akan mengalami salji pula.

“Tidak kurang juga mendakwa bahawa Malaysia tidak lagi berada di garisan Khatulistiwa,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sudah menjadi kebiasaan bahawa pada bulan Disember hingga Februari negara ini akan mengalami suhu agak sejuk dan pertengahan Februari hingga April suhu akan lebih tinggi disebabkan perubahan

monsun.

“Jadi tiada apa-apa yang pelik berlaku pada cuaca di negara kita, garisan Khatulistiwa juga tidak pernah bergerak dari kedudukan asalnya,” katanya.

Beliau memberitahu, setakat ini suhu paling panas yang pernah dicatatkan di negara ini adalah setinggi 40 darjah celsius di Perlis pada tahun 1998 ketika negara mengalami fenomena El-Nino.

Dalam pada itu, Azizan mencadangkan agar kerajaan menempatkan lebih banyak radar pemantauan taburan hujan di kawasan-kawasan tanah tinggi dalam usaha mempersiapkan negara sekiranya banjir buruk yang melanda negeri-negeri Pantai Timur baru-baru ini berulang pada masa depan.

“Setakat ini, kawasan-kawasan tersebut dilihat sebagai ‘titik-titik buta’ kepada kerajaan bidang meteorologi,” jelasnya.



MOHD. HISHAM